



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/12/127 (HQ)

400 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM JOM KE SEKOLAH TNB 2016

Empat ratus (400) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan Labuan hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan dari **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bersama Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Y.B. Datuk Rozman Datuk Isli di Dewan Arena Bukit Kuda, Labuan. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di Labuan.

Pengurus Besar (Komunikasi Korporat) TNB, Omar Sidek berkata sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah keseluruhannya bernilai RM100,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 15 bagi Kawasan Parlimen di lapan (8) buah negeri iaitu Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM900,000.00.

Pada tahun 2013, seramai 1,299 orang murid daripada 78 buah sekolah di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini. Manakala dalam tahun 2014 seramai 2,489 orang murid daripada 109 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri.

Dikeluarkan di Labuan pada 26 Disember 2015

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Maria di talian 012-868 1056 /
Siti Azlin di talian 012-660 7512 / Asyraf Zahardin 017-355 7508*

media@tnb.com.my